

**PROSES DAN CADANGAN RANGKAMASA UNTUK SEMAKAN SEMULA KRITERIA
DAN PETUNJUK BAGI PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN MALAYSIA
[MC&I(2002)]**

April-Mei 2009

- Perletakkan *MC&I(2002)* di dalam laman web MTCC untuk komen umum selama 60 hari (peringkat pertama)
- Pembentukan kumpulan kepentingan pelbagai (“multi-stakeholder”) Jawatankuasa Penyemak Standard [**Standards Review Committee**] (yang bertindak sebagai “Forum”) melalui pencalonan ahli-ahli oleh kumpulan berkepentingan masing-masing
- Pembentukan **Panel Pakar** melalui jemputan kepada pakar untuk menyertai Panel

Jun-Julai 2009

- Penyusunan dan penggabungan komen-komen dan cadangan pindaan/penambahan kepada *MC&I(2002)* yang diterima oleh MTCC sebagai Sekretariat bagi proses semakan standard (ini termasuk saranan pindaan/penambahan dari projek MTCC-Hamburg yang telah dilaksanakan pada 2006-2008)
- Penyediaan cadangan pindaan yang bersesuaian oleh Sekretariat jika tiada cadangan pindaan/penambahan ditawarkan oleh pencadang
- Penyampaian cadangan pindaan/penambahan kepada Panel Pakar
- Pengendalian mesyuarat Panel Pakar untuk membincangkan cadangan pindaan/penambahan
- Penyediaan Draf Kerja (“Working Draft”) untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penyemakan Standard

Ogos-Oktober 2009

- Perbincangan Draf Kerja oleh Jawatankuasa Penyemakan Standard
- Penyediaan Draf Pertama Standard (Jawatankuasa boleh membentuk kumpulan secara *ad hoc* sekiranya perlu untuk menjalankan semakan spesifik)

November 2009

- Perletakkan Draf Pertama Standard di laman web MTCC untuk komen umum selama 30 hari (peringkat kedua)
- Penyediaan Draf Kedua Standard oleh Sekretariat berdasarkan kepada komen-komen yang diterima, lanjutan dari perbincangan dengan Panel Pakar.

Disember 2009-Februari 2010

- Pengendalian tiga rundingan peringkat rantau (di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia) oleh Sekretariat yang mana ketika ini kumpulan berkepentingan akan diberikan peluang untuk memberikan komen ke atas Draf Kedua Standard
- Penyediaan Draf Ketiga Standard oleh Sekretariat berdasarkan kepada komen-komen yang diterima, lanjutan dari perbincangan dengan Panel Pakar.

Mac-April 2010

- Perbincangan Draf Ketiga Standard oleh Jawatankuasa Penyemakan Standard
- Penyediaan Draf Akhir Standard

Mei-Jun 2010

- Muat naik Draf Akhir Standard di laman web MTCC untuk komen umum selama 60 hari (peringkat ketiga)

Julai 2010

- Standard yang telah disemak semula dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Penyemakan Standard berdasarkan komen yang telah diterima
- Muat naik Standard yang disemak semula di laman web MTCC
- Pencetakan Standard yang disemak semula

Ogos 2010-Julai 2011

- Pengeluaran notis awal (setahun) mengenai pelaksanaan standard yang telah disemak semula kepada peserta MTCS

Ogos 2011

Pelaksanaan standard yang disemak